

DATE: 02/03/2000

Halang parti politik guna agama

DI EROPAH terdapat parti politik yang menamakan parti mereka dengan perkataan 'Christian' seperti 'Christian Democratic Party' atau 'Christian Democratic Union'. Tetapi tidak ada unsur-unsur keterlaluan (*extremist*) yang diperlihatkan oleh parti-parti agama Kristian ini.

Sebaliknya, mereka bersikap sederhana dan tidak menggunakan agama Kristian atau ajaran Kristian untuk mendapat sokongan kepada perjuangan mereka. Tidak ada dakwaan bahawa sesiapa yang tidak menyokong mereka membuat dosa (*sin*) terhadap agama Kristian dan akan masuk neraka (*hell*) di akhirat (*after life*) kelak. Perjuangan Parti Kristian ini lebih bercorak keduniaan yang tidak ada kaitan dengan agama.

Sebabnya, parti Kristian tidak menggunakan agama dan bersikap sederhana serta keduniaan ialah kerana walaupun orang Eropah beragama Kristian, tetapi pegangan agama mereka adalah amat lemah dan mereka tidak mengamalkan segala ibadat Kristian dalam kehidupan harian mereka.

Ramai daripada mereka menolak agama Kristian bahkan tidak beragama sama sekali. Jika parti-parti politik menekan soal-soal agama, mereka akan menjadi tidak popular dan akan kalah dalam pilihan raya.

Kepercayaan

Keadaan di negara-negara Asia berbeza sekali. Pegangan kepada agama amatlah kuat di kalangan majoriti besar penduduk Asia. Sama ada agama Islam, Kristian, Hindu atau Buddha, majoriti penganut agama ini kuat dengan kepercayaan kepada agama mereka.

Mereka juga amat sensitif terhadap agama yang mereka anuti dan sanggup bertindak sehingga keterlaluan terhadap sesiapa yang mencemar agama mereka.

Dengan itu persengketaan yang disebabkan oleh kelainan agama kerap berlaku. Sudah tentu perhubungan antara penganut-penganut agama yang berlainan biasanya tegang dan tidak baik. Tindakan ekstrem kerap dilakukan apabila mana-mana pihak berpendapat bahawa agama mereka menyuruh mereka menentang agama lain. Demikian permusuhan antara orang Islam dengan orang Hindu atau Kristian, atau orang Hindu dengan orang Kristian atau orang Islam sering menyebabkan rusuhan sehingga ke peringkat bunuh-membunuh.

Pendapat

Sikap ekstrem dan permusuhan sesama sendiri dan dengan penganut agama lain lebih kerap berlaku jika terdapat kumpulan atau parti politik yang menggunakan nama agama sebagai nama parti atau mendakwa mereka berjuang kerana agama.

Biasanya di mana terdapat satu minoriti yang berbeza agamanya dengan majoriti yang besar, penindasan ke atas pihak minoriti kerap berlaku. Tetapi di mana penganut agama yang sama tetapi terbahagi kepada mazhab-mazhab, rusuhan, bahkan peperangan antara mazhab-mazhab ini sering berlaku.

Apabila penganut agama yang sama bermusuhan kerana perbezaan mazhab, permusuhan ini menjadi lebih teruk daripada permusuhan antara penganut agama yang berlainan.

Demikian lebih ramai daripada orang Islam yang dibunuh oleh orang Islam lain daripada orang Islam yang dibunuh oleh bukan Islam, kecuali di Bosnia dan Kosovo.

Keadaan dan sejarah menunjukkan bahawa apabila agama digunakan sebagai asas perjuangan politik dan ditokok-tambah dengan nama agama diberikan kepada parti politik, maka rusuhan akan berlaku walaupun antara penganut agama yang sama. Yang amat menyedihkan ialah rusuhan berlaku lebih kerap di kalangan penganut agama Islam.

Sejak peperangan antara puak Kawarij dengan Islam lain semasa pemerintahan Saidina Ali; permusuhan yang sengit antara mazhab-mazhab Islam tidak pernah berhenti. Orang Syiah selalunya bermusuhan dengan orang Sunni. Tetapi sesama orang Sunni juga terdapat permusuhan yang tidak berkesudahan.

Di Algeria, Pakistan, Afghanistan, Lebanon, Mesir dan negeri-negeri Islam lain, permusuhan ini berlaku kadangkala dengan pembunuhan beramai-ramai. Serangan biasanya dilakukan oleh pihak ekstremis ke atas orang Islam lain yang dianggap oleh ekstremis ini sebagai tidak Islam atau kurang Islam.

Demikian mereka daripada kumpulan yang menamakan diri mereka sebagai 'Persaudaraan Islam' kerap membun-

nuh orang Islam lain dengan dakwaan bahawa orang lain ini tidak Islam atau menyalahi ajaran Islam. Yang jelas ialah mereka yang mendakwa diri sebagai saudara Islam tidak menunjuk persaudaraan mereka dengan orang Islam lain.

Di Malaysia terdapat parti politik yang menggunakan Islam sebagai sebahagian daripada namanya, iaitu Pas atau parti Islam Se-Malaysia. Apabila sahaja parti ini muncul maka orang Islam yang dahulunya bersatu-padu telah berpecah dan terbahagi kepada dua kumpulan, iaitu penyokong parti Pas dan penyokong parti-parti lain.

Awal-awal lagi parti Pas menuduh dan mendakwa bahawa sesiapa yang tidak menyokongnya adalah tidak Islam dan menjadi kafir.

Mengembangkan

Apabila ini ditolak oleh majoriti orang Islam di Malaysia, maka Pas mengembangkan dakwaan mereka di kalangan remaja dan kanak-kanak yang belum memiliki pengetahuan agama yang secukupnya. Proses ini sudah berjaya dan kita dapati generasi muda semuanya percaya sesiapa antara orang Islam yang tidak menyokong Pas adalah tidak Islam atau kurang Islam.

Kesan daripada perkembangan dakwaan ini perpecahan yang ketara berlaku dalam masyarakat Islam di Malaysia. Penyokong Pas menolak imam yang terdiri daripada bukan ahli Pas dan mendirikan sembahyang berasingan. Segala ibadat dan amalan diasingkan sehingga pernikahan yang tidak diijabkabulkan oleh orang Pas tidak diiktiraf sebagai sah.

Susulan daripada ini ramai yang percaya perkahwinan mereka dahulu tidak sah dan mereka dikahwinkan semula oleh orang Pas. Secara langsung anak orang-orang ini menjadi anak di luar nikah. Perkahwinan antara orang Pas dengan orang bukan Pas tidak diizinkan kerana orang bukan Pas dianggap tidak Islam.

Dalam pilihan raya yang lepas, untuk mendapatkan undi, Pas mendakwa sesiapa yang tidak mengundi PAS

akan masuk neraka dan hanya mengundi Pas sahaja yang akan masuk syurga.

Bermacam-macam lagi ajaran dan tafsiran yang tidak mengikut ajaran Islam dikembangkan oleh Pas dan diterima hanya kerana parti ini menggunakan perkataan Islam dalam namanya.

Apabila kepimpinan Pas terang-terang membuat dakwaan yang bertentangan dengan Islam, pengikut Pas tidak menolak Pas kerana kata mereka jika pemimpin Pas membuat dosa, itu adalah di antara mereka dengan Tuhan. Tetapi oleh kerana Pas adalah parti Islam ia mestilah disokong juga oleh orang Islam.

Syahid

Di Memali sudahpun berlaku serangan atas pasukan polis sehingga beberapa orang daripada mereka terbunuh. Orang Pas yang terbunuh dalam serangan itu dikatakan mati syahid dan dipuja oleh Pas. Adalah jelas Pas boleh menjadikan pengikutnya ganas sehingga sanggup membunuh.

Walaupun kita belum melihat jenis keganasan yang terdapat di Algeria umpamanya berlaku di sini, tetapi kemungkinan keganasan sehingga sanggup membunuh sesama Islam akan berlaku di negara ini memang ada.

Oleh itu, saya harap kerajaan akan menimbang dengan serius kemungkinan melarang penggunaan perkataan Islam dan agama-agama lain dalam mana-mana parti.

Seperti mana kita anggap perkauman yang ekstrem boleh mencetuskan rusuhan antara kaum, seruan agama yang ekstrem juga boleh mengancam keselamatan negara. Justeru itu, kerajaan sepatutnya menegah kegunaan agama atau menamakan parti politik dengan nama agama untuk mengelak perkelahian dan rusuhan di kalangan rakyat negara ini. Sebenarnya penggunaan agama untuk politik lebih bahaya daripada penggunaan perkauman.

RAHMAT ALLI, Setiawangsa, Kuala Lumpur

Kirim pendapat anda melalui faks 03-2239854